

RINGKASAN KESELURUHAN

2020

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN SERTA
PENGAUDITAN PEMATUHAN KEMENTERIAN DAN JABATAN PERSEKUTUAN

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA TANPA TEGURAN

PENEGASAN PERKARA

Hutang Persekutuan

Kebergantungan Kerajaan terhadap pinjaman baharu untuk membiayai bayaran balik prinsipal pinjaman yang telah matang.

Dalam jangka masa panjang, bebanan kewangan Negara akan bertambah untuk pembayaran kos pinjaman.

RM98.058 bilion atau 50.4% daripada pinjaman baharu berjumlah RM194.555 bilion digunakan untuk bayaran balik prinsipal pinjaman yang matang.

Nisbah Defisit
Kepada KDNK
6.2%

Nisbah Hutang
Persekutuan Kepada KDNK
62.1%

Nisbah Liabiliti Persekutuan
Kepada KDNK
83.8%

**4 SYOR
AUDIT**

Kumpulan Wang Pembangunan

Dana Kumpulan Wang Pembangunan yang dibiayai melalui pinjaman sepatutnya digunakan untuk membiayai projek pembangunan fizikal yang menyumbang kepada pembentukan modal baharu yang boleh meningkatkan pembangunan Negara serta mempunyai kesan pengganda yang tinggi untuk menjana aktiviti ekonomi.

RM2.650 bilion merupakan pengelasan perbelanjaan mengurus kepada perbelanjaan pembangunan yang melibatkan konsesi Public Private Partnership dan penyenggaraan berskala besar.

HAL-HAL LAIN

Pihak Berkuasa Kewangan hendaklah memastikan polisi perakaunan mengenai premium dan diskaun daripada terbitan Sekuriti Hutang Kerajaan disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan.

Pihak Berkuasa Kewangan hendaklah menetapkan kategori hasil bagi pengiktirafan premium dan polisi pindahan premium.

PERBANDINGAN KEDUDUKAN ASET DAN LIABILITI KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

ASET
RM139.614 bilion

LIABILITI
RM1.187 trilion

Akaun Belum Terima
RM106.423 bilion

Pelaburan
RM33.191 bilion

Hutang Persekutuan
RM879.560 bilion

Liabiliti PFI
RM37.034 bilion

Komitmen Kewangan
RM269.940 bilion

Pelbagai Liabiliti
RM0.278 bilion

8 PENGAUDITAN PEMATUHAN

Jumlah Semakan Audit

RM899.44 juta

4

KONTRAK
RM772.40 juta

RM499.18 juta Bayaran Tuntutan Kos Penyenggaraan Projek Rangkaian Trunk Radio Bersepadu Kerajaan
- **Majlis Keselamatan Negara (MKN)**

RM227.94 juta Kutipan Hasil Pas Lawatan Kerja Sementara Secara Dalam Talian Melalui Syarikat Perkhidmatan
- **Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)**

RM37.43 juta Kutipan Sewa Pejabat Pentadbiran Syarikat Konsesi dan Tapak Komersial di Lebuhraya Semenanjung Malaysia
- **Kementerian Kerja Raya (KKR)**

RM7.85 juta Tuntutan Bayaran Balik Kos Pembaharuan Lesen Perisian Berkaitan Sistem MyResults
- **Pejabat Belanjawan Negara (NBO)**

2

PEROLEHAN
RM54.80 juta

RM28.99 juta Bayaran Kerja Menaik Taraf Sistem Kawalan dan Automasi Pentas Panggung Sari
- **Istana Budaya (IB)**

RM25.81 juta Sumbangan Bantuan Penyelenggaraan Kepada Sekolah Bantuan Kerajaan
- **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**

2

HASIL
RM72.24 juta

RM61.65 juta Taksiran Duti Kastam bagi Kenderaan Import Baharu dan Terpakai
- **Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)**

RM10.59 juta Hasil Sewa Tanah dan Bangunan
- **Kementerian Pertahanan (MINDEF)**

Jumlah Isu Pembayaran Tidak Teratur, Kerugian Wang Awam dan Pembaziran

RM620.07 juta

**Pembayaran
Tidak Teratur**
RM510.49 juta

• **RM499.18 juta** - Bayaran tuntutan perkhidmatan penyenggaraan tanpa pengesahan. **(MKN)**

• **RM6.08 juta** - Peralatan telah dibayar tetapi belum diterima. **(IB)**

• **RM4.30 juta** - Tuntutan tidak wajar. **(NBO)**

• **RM0.93 juta** - Bayaran kerja yang tidak dilaksanakan, tidak mengikut spesifikasi dan skop kerja tidak diluluskan. **(KPM)**

Pembaziran
RM4.79 juta

• **RM4.79 juta** - Peralatan lewat diterima dan tidak dipasang. **(IB)**

**Kerugian
Wang Awam**
RM104.79 juta

• **RM81.69 juta** - Penalti belum tuntutan dan tidak dikenakan. **(JIM)**

• **RM13.07 juta** - Sewa tidak dikutip. **(KKR dan MINDEF)**

• **RM5.92 juta** - Duti Kastam terkurang pungut. **(JKDM)**

• **RM2.75 juta** - Kutipan sewa tidak diakaunkan sebagai hasil Kerajaan. **(KKR dan MINDEF)**

• **RM1.25 juta** - Perbezaan harga perolehan dengan anggaran harga semasa. **(KPM)**

• **RM0.11 juta** - Wang cagaran tidak dikutip. **(MINDEF)**

25 SYOR AUDIT